

**SOALAN LAZIM MENGENAI PERMOHONAN KEMAS KINI MAKLUMAT
AKAUN BANK BAGI PENERIMA GKP BERSTATUS LULUS TETAPI GAGAL KREDIT**

1. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya status permohonan GKP saya adalah Lulus tetapi Gagal Kredit?

Permohonan yang berstatus Lulus tetapi Gagal Kredit semasa bayaran GKP dan tidak mengemas kini maklumat akaun bank dalam tempoh kemas kini yang telah dibuka sebelum ini, pemohon akan diberi peluang untuk mengemaskini maklumat Akaun Bank Simpanan Peribadi atau Akaun Bank Semasa Peribadi di menu Kemas kini No. Akaun pada Portal GKP (<https://gkp.hasil.gov.my/>).

Akaun bank yang dikemaskini hendaklah Akaun Bank Peribadi atas nama pemohon GKP (bukan akaun bank perniagaan), berstatus aktif dan berdaftar menggunakan nombor kad pengenalan baharu pemohon. Pastikan juga nombor akaun bank yang dimasukkan adalah nombor akaun yang boleh digunakan bagi tujuan pengkreditan.

2. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya tidak mempunyai akaun bank selain dari akaun bank yang telah saya daftarkan pada permohonan GKP sebelum ini?

Pemohon dikehendaki untuk membuat pengesahan dengan pihak bank berkaitan status aktif akaun bank tersebut dan akaun bank itu adalah Akaun Bank Peribadi atas nama pemohon GKP (bukan akaun bank perniagaan).

Pemohon juga digalakkan membuka akaun bank baharu (Akaun Bank Peribadi atas nama pemohon GKP) bagi mengelakkan masalah gagal kredit berulang.

3. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya gagal mengemukakan akaun bank simpanan / semasa untuk pembayaran semula GKP?

Pemohon perlu mempunyai akaun bank simpanan / semasa kerana pembayaran semula GKP hanya dikreditkan kepada penerima yang mempunyai akaun bank yang aktif sahaja.

4. Bilakah tarikh pembukaan semula kemas kini maklumat akaun bank GKP dan tarikh pembayaran semula bagi penerima berstatus Gagal Kredit?

TEMPOH KEMAS KINI MAKLUMAT AKAUN BANK	TARIKH PEMBAYARAN SEMULA
<ul style="list-style-type: none">15 Julai – 31 Julai 2021	Mulai 15 September 2021
<ul style="list-style-type: none">07 Oktober – 21 Oktober 2021	Akan dimaklumkan dari semasa ke semasa

- 5. Sekiranya saya mengemaskini maklumat Akaun Bank, adakah saya akan menerima bayaran semula GKP 1.0 / GKP 2.0 saya yang berstatus Gagal Kredit sebelum ini?**

Pembayaran semula yang akan dilakukan adalah terhad kepada program GKP sepanjang tahun 2021 sahaja.

- 6. Sekiranya pembayaran GKP berstatus gagal kredit dan saya baru sahaja mengaktifkan Akaun Bank Simpanan Peribadi atau Akaun Bank Semasa Peribadi tersebut, adakah saya perlu membuat kemas kini akaun bank dalam tempoh yang ditetapkan?**

Ya. Anda perlu membuat kemas kini maklumat akaun bank dalam tempoh yang ditetapkan dengan memasukkan maklumat akaun bank yang sama memandangkan pembayaran semula hanya akan dikreditkan kepada pemohon yang mengemaskini maklumat akaun bank dalam tempoh tersebut.

- 7. Jika penerima berstatus Gagal Kredit dan telah meninggal dunia, adakah pembayaran semula akan dikreditkan ke akaun bank penerima berkenaan?**

Bagi penerima yang telah meninggal dunia sebelum atau pada 14 Julai 2021, tidak layak menerima pembayaran semula GKP 2021 jika berstatus Gagal Kredit.

- 8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya saya mempunyai sebarang pertanyaan mengenai status pembayaran GKP?**

Sebarang pertanyaan mengenai status pembayaran GKP boleh hubungi Hotline BKK LHDNM: 1-800-88-2747 / Hotline MOF: 03-8882 4565 / 03-8882 4566.

Dikemas kini pada 06 Oktober 2021